

Dua pemimpin bincang kepentingan bersama

BH 11 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Amerika Syarikat, George Bush dijangka berbincang pelbagai perkara berkaitan kepentingan bersama kedua-dua negara dalam lawatannya ke Washington pada 13 hingga 15 Mei ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata selain isu keganasan, kedua-dua pemimpin berkenaan dijangka membincangkan isu ekonomi, politik, serantau dan perkembangan antarabangsa.

"Malaysia dan Amerika mempunyai hubungan yang baik. Perbincangan kedua-dua pemimpin itu sudah tentu merangkumi pelbagai perkara mengenai kepentingan bersama," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan Ulang Tahun Kesembilan Institut Pengurusan Wanita (WIM) dan Rangkaian Perniagaan WIM, di sini, hari ini.

Ini adalah lawatan pertama Perdana Menteri ke Washington sejak Bush berkuasa pada Januari tahun lalu.

Kedua-dua pemimpin itu pernah bertemu di sidang kemuncak ketua Persidangan Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai, November lalu.

Mengenai peningkatan bilangan pelajar Bumiputera lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) ke universiti awam tahun ini, Syed Hamid berkata, tiada pihak sepatutnya bersungut atau berasa tersinggung dengan keadaan itu jika mereka benar-benar dipilih berasaskan kecemerlangan.

"Kalau itu asasnya, ia adalah suatu perkembangan yang baik dan positif. Dari satu segi, ini mungkin kerana kurang pelajar bukan Bumiputera yang memasuki universiti awam, sebaliknya ramai ke kolej dan universiti swasta.

"Bagaimanapun yang pa-

ling penting bagi Bumiputera adalah masuk berasaskan merit, kemampuan dan keupayaannya," katanya.

Akhbar hari ini melaporkan 32,752 lepasan STPM dan kelayakan setaraf, termasuk 22,557 atau 68.9 peratus pelajar Bumiputera, dipilih melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah pertama di 17 institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) tahun ini.

Laporan berkenaan memetik Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Dr Hassan Said, sebagai berkata pemilihan pelajar lepasan STPM untuk memasuki IPTA tahun ini dibuat berasaskan sistem merit sepenuhnya, bukan sistem kuota mengikut kaum seperti diamalkan sebelum ini.

Mengikut sistem kuota, sebanyak 55 peratus tempat di IPTA dikhususkan untuk Bumiputera manakala 45 peratus lagi bukan Bumiputera. Ini bermakna

tanpa sistem kuota, pelajar Bumiputera masih mampu menyaingi pelajar bukan Bumiputera berdasarkan pencapaian akademik.

Mengenai keputusan Mahkamah Sesyen Kuala Pilah, Negeri Sembilan, menjatuhkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan 20 sebatan terhadap bekas pemandu bas kilang yang didapati merogol anak saudaranya berusia 12 tahun, Syed Hamid berkata:

"Kita mesti memandang serius jenayah seperti ini. Untuk menghantar isyarat bahawa jenayah berkenaan mesti dibanteras dengan berkesan, antara pendekatan ialah melalui hukuman.

"Saya yakin dan percaya mahkamah sudah mengambil kira tahap seriusnya dan hukuman itu seimbang dengan jenayah dilakukan, untuk memberi kesan bukan saja pada hari ini tetapi juga dalam jangka panjang," katanya.